



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**  
**IMTIHAN AL-KAFAAH LI AL-LUGHAH AL-ARABIYYAH (IKLA)**  
**SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)**  
**TAHUN 2021**

<b>A.</b>	<b>ARAHAN UMUM</b>	
A.1.		Ujian IKLA dijalankan secara <b>dalam talian (online)</b> .
A.2.		Calon mesti mempunyai kemudahan <b>talian internet</b> dan <b>capaian internet yang kuat</b> .
A.3.		<b>Aplikasi Lifesize</b> digunakan untuk <b>ujian Bertutur</b> . Calon yang menggunakan <b>telefon bimbit</b> perlu <b>memuat turun</b> aplikasi <i>Lifesize</i> tersebut. Calon yang menggunakan <b>komputer</b> pula boleh terus menggunakan <b>web browser</b> tanpa perlu memuat turun aplikasi <i>Lifesize</i> .
A.4.		Calon boleh menggunakan <b>sebarang jenis gajet</b> , sama ada komputer, <i>tab</i> atau telefon bimbit dengan syarat gajet tersebut mempunyai <b>kamera</b> untuk memaparkan wajah calon dan mikrofon semasa ujian <b>Bertutur</b> sahaja.
A.5.		Calon perlu menggunakan <b>komputer sahaja</b> bagi <b>ujian Menulis, Membaca, dan Mendengar</b> . <b>Aplikasi dan spesifikasi minimum</b> untuk komputer bagi ujian tersebut adalah seperti berikut:
	A.5.1	Sistem pengoperasian (OS): <b>Windows 7</b> atau <b>yang setara</b> atau <b>yang lebih tinggi</b> ;
	A.5.2	Perisian Pelayar ( <i>Browser</i> ): <b>Chrome</b> atau <b>Firefox versi 83</b> , <b>Safari V14</b> atau <b>yang setara</b> atau <b>yang lebih tinggi</b> ;
	A.5.3	Resolusi minimum paparan: <b>1080 x 720</b> ;
	A.5.4	Kelajuan internet: <b>Sekurang-kurangnya 2mbps</b> ; dan
	A.5.5	Mempunyai peranti audio, iaitu pembesar suara, <i>head set</i> atau <i>ear phone</i> yang baik.
A.6.		Calon perlu <b>memuat turun slip pendaftaran ujian IKLA (IKLA/D)</b> daripada portal MPM dengan menggunakan pautan ( <i>link</i> ) <a href="http://webmpm1.mpm.edu.my/ikla-d">http://webmpm1.mpm.edu.my/ikla-d</a> untuk mengetahui angka giliran, tarikh, dan waktu ujian IKLA masing-masing.
A.7.		Untuk <b>menduduki ujian</b> komponen Membaca, Menulis, Mendengar, dan Bertutur, calon perlu merujuk kepada <b>pautan</b> yang diberikan dalam IKLA/D. Untuk <b>masuk (log-in)</b> ke dalam sistem ujian ini, calon dikehendaki memasukkan <b>No. Kad Pengenalan dan No. Angka Giliran</b> .
A.8.		Untuk menduduki <b>ujian Bertutur</b> , calon perlu merujuk kepada <b>pautan Lifesize</b> dan <b>nombor passcode</b> yang terdapat dalam IKLA/D.
A.9.		Calon hendaklah mematuhi <b>tarikh dan masa ujian IKLA</b> yang telah ditetapkan. <b>Kegagalan</b> berbuat demikian boleh menyebabkan calon dianggap <b>tidak hadir</b> dan <b>gagal ujian</b> .

A.10.	Calon perlu berada di bilik yang <b>tidak ada gangguan bunyi</b> dan <b>tidak ada orang lain di sekeliling</b> semasa menduduki ujian.
A.11.	Calon perlu ke <b>pautan</b> ujian dan <b>log-in</b> ke dalam sistem ujian <b>selewat-lewatnya 15 minit sebelum ujian</b> bagi sesuatu komponen bermula.
A.12.	Calon <b>tidak akan diberikan tambahan masa</b> sekiranya calon terlewat memasuki sistem untuk menduduki ujian bagi sesuatu komponen.
A.13.	Calon yang <b>tidak</b> menduduki ujian IKLA pada tarikh dan waktu yang ditetapkan <b>tidak</b> akan diberikan peluang kedua untuk menduduki ujian ini.
A.14	Calon perlu memastikan <b>kad pengenalan</b> dan <b>slip pendaftaran ujian IKLA (IKLA/D)</b> ada <b>bersama-sama dengan calon</b> sepanjang waktu ujian Bertutur berlangsung. Calon hendaklah memaparkan <b>kad pengenalan</b> mereka sekiranya diminta oleh pengawas ujian.
A.15	Calon yang didapati melakukan <b>salah laku semasa ujian IKLA</b> seperti meniru daripada mana-mana sumber, meminta orang lain untuk menduduki ujian bagi pihak calon, atau lain-lain kesalahan akan <b>dilaporkan kepada pihak USIM</b> untuk tindakan lanjut.
A.16	Calon dinasihatkan menonton <b>Video Tutorial Panduan Menduduki Ujian IKLA</b> dengan melayari pautan yang diberikan dalam IKLA/D bagi menjamin kelancaran semasa menduduki ujian.
A.17	Calon boleh menghubungi MPM sekiranya menghadapi masalah berkaitan ujian ini sebelum hari ujian <b>di talian</b> : <ul style="list-style-type: none"> <li>• 03-6126 1634</li> <li>• 03-6126 1745</li> <li>• 03-6126 1753</li> </ul>
A.18	Calon boleh <b>menghubungi MPM</b> sekiranya menghadapi masalah semasa hari ujian <b>di talian hotline</b> MPM, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li>• 03-6126 1765</li> <li>• 03-6126 1766</li> <li>• 03-6126 1767</li> <li>• 03-6126 1768</li> </ul>

**BAHAGIAN PEMBINAAN DAN PENGENDALIAN KOMPETENSI**  
**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**  
**NO. TELEFON: 03-6126 1634**  
**NO. FAKS: 03-6126 1781**  
**EMEL: [ikla@mpm.edu.my](mailto:ikla@mpm.edu.my)**